

Usah usik keistimewaan Melayu, Islam

➔ Rakyat perlu lebih berhati-hati suarakan pandangan: Sultan Kedah

Berita HARAPAN 14/05/2012 MS 21

Oleh Petah Wazzan Iskandar
wazzan@nstp.com.my

Alor Setar

Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah, meminta rakyat tidak terlalu taasub dan berfikiran secara liberal serta perlakuan yang boleh menggugat kesejahteraan masyarakat.

Baginda bertitah, masyarakat hari ini lebih kerap membincangkan perbezaan daripada penyatuan sedangkan kepelbagaian sepatutnya diterima sebagai satu anu-

gerah serta rahmat.

"Rakyat perlu lebih berhati-hati dalam menyuarakan pandangan bak ungkapan 'ibarat berjalan peliharalah kaki, berkata peliharalah lidah' kerana luka sangat mudah terjadi, tetapi terlalu payah untuk sembuh.

"Wujud kecenderungan menggugat perpaduan kita. Isu nostalgia bangsa, sensitiviti kaum, agama dan kepercayaan ditimbulkan secara sengaja yang dilakukan atas dasar liberalisme dan keterbukaan serta kebebasan bersuara.

"Ramai berpandangan adalah hak mereka menyatakan apa jua



Sultan Sallehuddin, Tengku Maliha serta Mukhriz pada Istiadat Perasmian Pembukaan Sidang Dewan Negeri Mesyuarat Kedua Penggal Pertama DUN Kedah Ke-14 di Alor Setar, semalam.

yang difikir dan orang lain tidak berhak menghalang. Namun, kewujudan institusi diraja, pengiktirafan Melayu, Islam sebagai agama rasmi, dan kedudukan istimewa orang Melayu usahlah diusik selaras Perlembagaan Persekutuan 1957 yang menenkankan kebalnya unsur tradisi," titahnya.

Baginda bertitah pada Istiadat Perasmian Pembukaan Sidang Dewan Negeri Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah Ke-14 di Wisma Darul Aman, di sini, semalam.

Turut berangkat, Sultanah Ke-

dah, Tengku Maliha Tengku Ariff dan Tunku Temenggong Kedah, Tunku Puteri Intan Shafinaz Sultan Abdul Halim.

Yang turut hadir, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir dan isteri, Tok Puan Norzieta Zakaria.

Permuafakatan dimeterai

Sultan Sallehuddin bertitah, permuafakatan sudah dimeterai kemasa yang kemudiannya membenutuk kandungan Perlembagaan Persekutuan dan semangat yang terkandung dalam Undang-un-

dang Tubuh Negeri Kedah.

"Pakatan murni yang diperseujui adalah cerminan sikap tolaansur pribumi terhadap pelbagai kaum lain dan diterima sebagai sebuah kontrak sosial dengan hasrat menjamin keharmonian

"Jangan berlagak semacam orang kenyang, kalau dijamu lauk yang sedap pun, berkata tawar," titahnya.

Mengulas lanjut, baginda bertitah, pemimpin dan pentadbir tanpa integriti umpama pohon yang tidak berdaun dan tidak berbuah, yang tidak dapat membersebarang manfaat.